

## **PERLAKSANAAN MODEL SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS DALAM INISIATIF PENGURUSAN ZAKAT DI KEDAH**

*The Implementation of Sustainable Development Goals Model Through  
Initiative of Zakat Management in Kedah*

**Hafizah Binti Zainal<sup>1\*</sup>**  
**Zakaria Bin Othman<sup>2</sup>**  
**Faisal Mustaffa<sup>3</sup>**

<sup>1,2,3</sup>Lembaga Zakat Negeri Kedah, Menara Zakat, Jalan Teluk Wan Jah, 05200 Alor Setar

\*Corresponding author (Email: hafizah@zakatkedah.com)

Diterima: 1 Februari 2019, Diproses: 15 Februari 2019, Diterbitkan: 3 Mac 2019

---

**Abstrak:** Matlamat pembangunan mampan (SDGs) merupakan satu program berteraskan kepada hak asasi manusia merangkumi tiga dimensi iaitu sosial, alam sekitar dan ekonomi. Semua sumber yang ada perlu digunakan sepenuhnya bagi mencapai matlamat SDGs pada tahun 2030. Umumnya, matlamat ini menegaskan bahawa “no one left behind” adalah selari dengan Rancangan Malaysia ke 11. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti sejauhmanakah LZNK dapat mengadaptasikan pengurusan zakat berlandaskan kepada matlamat SDGs. Kertas kerja ini menggunakan kaedah kajian konseptual sebagai panduan untuk menerapkan SDGs dalam pengurusan zakat. Hasil daripada kajian mendapati sebanyak tujuh matlamat dapat diadaptasikan dalam pengurusan zakat iaitu tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan untuk semua, pendidikan yang berkualiti, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, menjadikan bandar dan penempatan asnaf selamat dan berdaya tahan disamping mengukuhkan kaedah pelaksanaan dengan membina rangkaian dengan agensi luar. SDGs diselarikan dengan hala tuju LZNK untuk menjadi sebuah agensi pengurusan zakat yang unggul bertaraf dunia. Kertas kerja ini bukan sahaja menyentuh isu pembangunan untuk mengeluarkan asnaf semata-mata, malah turut memperhalusi isu holistik hasil daripada penerapan SDGs. Sumbangan dan implikasi kajian di bincangkan pada akhir kertas kerja ini.

**Kata Kunci:** SDGs, Rancangan Malaysia Ke-11, LZNK, Kemiskinan, Asnaf.

**Abstract:** The goal of sustainable development (SDGs) is a human rights-based program that encompasses three dimensions: social, environmental and economic. All existing resources need to be fully utilized to achieve the goals of SDGs by 2030. Generally, this goal emphasizes that “no one left behind” is in line with the 11th Malaysia Plan. The objective of this study is to identify the extent to which LZNK can adapt zakat management based on the goals SDGs. This paper uses a conceptual study method as a guide for implementing SDGs in zakat management. As a result of the study, seven goals are adaptable to the management of zakat, namely poverty, zero hunger, good health and wellbeing for all, quality education, decent work and economic development, sustainable cities and communities as well as strengthening the implementation method by building network with external agencies. SDGs are rooted in the direction of LZNK to become a world-class zakat management agency. This paper not only

*touches development issues for solving asnaf solely, but also refines the holistic issue as a result of the implementation of SDGs. The contributions and implications of the study are discussed at the end of this paper.*

**Keywords:** SDGs, 11th Malaysia Plan, LZNK, Poverty, Asnaf

## **PENGENALAN**

Zakat merupakan ekonomi umat Islam yang berperanan sebagai mekanisma keadilan sosio ekonomi kerana ianya merupakan salah satu sistem kehartaan dan ekonomi umat Islam dalam membangunkan kehidupan manusia (Patmawati, 2008). Pembayaran zakat kepada asnaf yang memerlukan bertujuan untuk melatih seseorang supaya taat kepada perintah Allah SWT. Kesannya, jika institusi zakat sepenuhnya dijadikan sebagai tempat pungutan zakat yang cemerlang, maka dana zakat yang diperolehi mampu mengatasi masalah kemiskinan yang berlaku. Zakat diwajibkan ke atas umat Islam bertujuan memberi perlindungan kepada yang memerlukan, sebagai latihan kepada orang kaya untuk berkongsi dan sebagai jaminan pembangunan ummah. Oleh itu, sistem zakat dan institusi zakat menjadi satu mekanisme yang boleh menggarap keseluruhan sistem kehidupan masyarakat dan negara yang cemerlang. Pada masa kini, kajian mengenai zakat mendapat sambutan yang memberangsangkan dalam kalangan penyelidik. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian mengenai zakat adalah lebih menjurus ke arah beberapa aspek iaitu gelagat kepatuhan, prestasi kecekapan, kepercayaan dan kesan zakat kepada kualiti hidup asnaf. Di Indonesia, kajian mengenai SDGs terhadap pengurusan zakat telah dilaksanakan secara meluas. Namun demikian, kajian berkenaan di Malaysia sangat sukar untuk ditemui. Justeru, kertas kerja ini merupakan cubaan awal untuk mengenalpasti sejauhmanakah LZNK dapat mengadaptasikan pengurusan zakat berlandaskan kepada matlamat SDGs. Maka, kajian ini merupakan sumbangan penting kepada pengetahuan dalam bidang zakat mengenai perlaksanaan model SDGs dalam pengurusan zakat di Kedah.

## **MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDGs)**

Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan sebuah agenda global yang merangkumi tiga dimensi utama iaitu sosial (56%), ekonomi (20%) dan alam sekitar (24%) yang ingin dicapai pada tahun 2030 oleh Malaysia selari dengan matlamat Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) (Jabatan Statistik, 2018). Matlamat SDGs disepakati oleh 193 anggota PBB pada 25 September 2015 yang memiliki 17 matlamat dengan 169 sasaran yang ingin dicapai berdasarkan model global SDGs. Model SDGs adalah merupakan lanjutan daripada model Millenium Development Goals (MDGs). Pada mulanya, MDGs yang berakhir pada tahun 2015 tidak dapat mencapai sepenuhnya 100% matlamat yang disarankan, maka terbentuklah model SDGs. Program ini adalah berteraskan kepada prinsip “*No One Left Behind*” dengan bermatlamat menjamin semua orang dapat manfaat daripada pembangunan yang berdaya tahan berdasarkan hak-hak asasi manusia yang menjurus kepada pembangunan sosial, ekonomi dan persekitaran. Selain itu, SDGs juga memberi fokus kepada mengakhiri isu kemiskinan yang menjadi masalah kepada negara-negara membangun.

Tambahan lagi, program SDGs adalah bermatlamat untuk menjamin generasi masa depan supaya mereka mampu untuk mendapat semua keperluan asas yang diperlukan. Program ini meliputi *people* (manusia), *planet* (planet), *prosperity* (kesejahteraan), *peace* (keamanan), dan

*partnership* (rakan strategik), yang diharapkan dapat mengakhiri permasalahan yang sedang dialami sekarang oleh negara-negara sedang membangun. Jadual 1 berikut menunjukkan tujuan, sasaran dan indikator dalam program SDGs yang merangkumi 17 matlamat yang ingin dicapai pada tahun 2030.

**Jadual 1. Tujuan, Sasaran dan Indikator Sustainable Development Goals**

No	Matlamat	Target	Indikator
1	Tiada Kemiskinan	7	12
2	Sifar Kelaparan	8	14
3	Kesihatan dan Kesejahteraan	13	26
4	Pendidikan Berkualiti	10	11
5	Kesaksamaan Gender	9	14
6	Ketersediaan Pengurusan Air dan Sanitasi yang Mampan	8	11
7	Memastikan Akses kepada Tenaga yang Mampu dimiliki, Mampan dan Moden	5	6
8	Pengembangan Kerjaya dan Pembangunan Ekonomi	12	17
9	Membina Infrastruktur Berdaya Tahan, Menggalakkan Perindustrian Inklusif, Mampan dan Inovasi	8	12
10	Mengurangkan Ketidaksamaan Kawasan	10	11
11	Kelestarian Bandar dan Komuniti	10	15
12	Memastikan Penggunaan dan Corak Pengeluaran Mampan	11	13
13	Menangani Perubahan Iklim dan Kesan-kesannya	5	7
14	Ekosistem Lautan	10	10
15	Ekosistem Daratan	12	14
16	Institusi yang Damai, Adil, dan Kuat	12	23
17	Rakan Strategik untuk Mencapai Matlamat	19	25

Sumber: Sustainable Development Goals (2018)

### ZAKAT DAN SDGs

Zakat dan SDGs mempunyai beberapa perbezaan dari segi asasnya. Prinsip zakat asalnya adalah daripada agama Islam iaitu al-Quran manakala SDGs adalah terbentuk daripada kesepakatan ahli-ahli negara bangsa-bangsa bersatu yang tidak berpandukan kepada agama. Walaubagaimanapun, terdapat banyak matlamat SDGs adalah merujuk kepada landasan nilai-nilai Islam iaitu membanteras masalah kemiskinan dan kelaparan (Eko, Mohamed Aslam & Azhar, 2017). Di samping itu, matlamat ini juga adalah selari dengan prinsip-prinsip Islam di dalam Zakat. Antara prinsip-prinsip Islam yang perlu dipenuhi ialah Maqasid Shariah yang merangkumi perlindungan daripada agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta. Oleh demikian, sekiranya kutipan dana zakat lebih banyak dikumpul maka lebih berkuasa zakat mampu untuk memainkan peranannya dalam kehidupan sosial, kebajikan, dan pembangunan ekonomi untuk menggantikan peranan kerajaan menerusi bajet yang ditetapkan (Eko et al., 2017). Dalam erti kata lain, dengan peningkatan kutipan dana zakat mampu meningkatkan agihan zakat serta pendapatan asnaf.

## **APLIKASI SDGs DALAM PENGURUSAN LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH**

Berdasarkan kepada program SDGs, terdapat 17 matlamat yang ingin dicapai oleh dunia pada 2030 iaitu tiada kemiskinan, sifar kelaparan, kesihatan dan kesejahteraan, pendidikan berkualiti, kesaksamaan gender, ketersediaan pengurusan air dan sanitasi yang mampan, memastikan akses kepada tenaga yang mampu dimiliki, mampan dan moden, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi, membina infrastruktur berdaya tahan, menggalakkan perindustrian inklusif, mampan dan inovasi, mengurangkan ketidaksamaan kawasan, kelestarian bandar dan komuniti, memastikan penggunaan dan corak pengeluaran mampan, menangani perubahan iklim dan kesan-kesannya, ekosistem lautan, ekosistem daratan, institusi yang damai, adil, dan kuat, rakan strategik untuk mencapai matlamat. Sumbangan LZNK dalam membantu pencapaian matlamat SDGs di Malaysia terdiri daripada tujuh tujuan pembangunan.

Pertama, menamatkan kemiskinan dalam semua bentuk. Bagi mengatasi masalah ini, peningkatan pendapatan isi rumah serta bantuan merupakan penyelesaian kepada masalah kemiskinan. Terdapat program agihan LZNK sedia ada yang selari dengan agenda ini. Antaranya, Bantuan Kewangan Miskin Bulanan. Tahun 2018 telah direkodkan seramai 17,846 orang penerima yang menerima bantuan kewangan secara bulanan antara RM100 hingga RM500. Seterusnya Bantuan Penempatan Warga Tua yang menempatkan warga emas yang miskin. Selain itu, bantuan kewangan secara tahunan, bantuan rumah anak yatim miskin, bantuan hari Raya Aidilfitri, bantuan arriqab, musibah, pengurusan jenazah dan lain-lain. Bantuan dari segi pendidikan juga turut diberikan kepada anak asnaf. Hanya dengan pendidikan mampu mengeluarkan mereka daripada golongan asnaf.

Kedua, sifar kelaparan dengan memenuhi kecukupan nutrisi kepada asnaf yang tersekat dari segi pendapatan untuk mendapatkan makanan asas. Bagi mengatasi masalah ini, LZNK telah mewujudkan "Food Bank" di setiap masjid di seluruh negeri Kedah. Sebanyak 575 buah masjid memberi komitmen yang baik bagi memastikan setiap asnaf yang terputus bekalan makanan mendapat bekalan dengan kadar segera. Sebanyak 7 item makanan merangkumi perkara-perkara asas disediakan oleh LZNK. Inisiatif agihan bekalan makanan di masjid-masjid juga adalah bertujuan untuk mendekatkan golongan asnaf dengan pihak masjid seterusnya menjadi rakan masjid di tempat mereka. LZNK bukan hanya memberi makanan kepada jasad asnaf malah memberi makanan rohani kepada mereka supaya lebih dekat kepada Allah SWT. Selain itu, LZNK turut memberi bantuan makanan kepada pusat penempatan warga tua.

Tambahan lagi, LZNK juga turut menyediakan skim kupon makanan pelajar miskin kepada anak-anak asnaf fakir dan miskin. Skim ini bertujuan untuk memberi makanan tambahan kepada anak-anak asnaf miskin. Kupon makanan ini diberi secara imbuhan untuk sementara waktu, bagi memperbaiki keadaan kesihatan, fizikal dan amalan pemakanan. Usaha ini juga adalah untuk membantu anak-anak asnaf meningkatkan prestasi kehadiran dan akademik mereka di sekolah selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Ketiga, memastikan kehidupan yang sihat dan sejahtera. Antara inisiatif yang dijalankan oleh LZNK ialah memastikan golongan asnaf dapat hidup dalam keadaan sihat dan sejahtera. Terdapat beberapa skim bantuan yang diberikan bagi tujuan tersebut. Bagi menjamin kesihatan asnaf, LZNK telah menyediakan bantuan rawatan sekaligus. Selain itu, Pusat Haemodialisis Zakat turut ditubuhkan bagi membantu asnaf menjalani rawatan mencuci buah pinggang secara

berkala. Dalam masa terdekat, “*Mobile Clinic*” atau klinik bergerak zakat dengan kerjasama KPJ akan dibuka bagi memudahkan orang ramai mendapatkan rawatan bagi sakit yang dialami terutamanya di kawasan pendalaman kampung.

Keempat, capaian kepada pendidikan yang berkualiti. Antara inisiatif yang dijalankan adalah pihak LZNK menubuhkan sekolah zakat khusus untuk anak-anak asnaf dengan memberi yuran dan penginapan percuma kepada pelajar yang terdiri daripada keluarga asnaf. Antara sekolah yang diwujudkan adalah Pondok Moden Zakat Kedah dan Maahad Addini Sultan Abdul Halim. Pada masa kini, terdapat dua buah sekolah asnaf di Negeri Kedah iaitu di Alor Setar dan Sik. Bagi melahirkan golongan cendekiawan Islam pada masa hadapan, LZNK telah menubuhkan Pondok Moden Zakat Kedah yang menggabungkan pembelajaran tahfiz, akademik serta pengajian kitab turath. Selain itu, LZNK juga memberi biasiswa kepada anak-anak asnaf yang melanjutkan pengajian ke luar negara dan dalam negara bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam melanjutkan pelajaran disemua peringkat pengajian. Disamping itu, bantuan baju dan beg sekolah turut disediakan kepada anak-anak asnaf.

Bagi meningkatkan kualiti guru agama pula, LZNK telah memberi bantuan elaun kepada tenaga pengajar agama KAFA, KEDA, dan lain-lain yang berpendapatan rendah di Negeri Kedah. Selain itu, pusat bimbingan agama kepada saudara baru turut diberikan bantuan di bawah skim agihan muallaf bagi memastikan mereka mendapat ilmu agama yang sebaiknya mengenai agama Islam

Kelima, pengembangan kerjaya dan pembangunan ekonomi. Bagi memastikan golongan asnaf dan anak-anak mereka berpeluang mendapat pekerjaan yang terbaik, LZNK sentiasa membuka peluang dan ruang kepada asnaf untuk meningkatkan pendapatan. Selain menyediakan bantuan “one off”, LZNK juga menyediakan bantuan jaya diri melalui modal perniagaan dan peluang pekerjaan kepada asnaf. Bantuan jaya diri ini merupakan kursus latihan yang diberikan kepada asnaf bagi mereka mencipta peluang pekerjaan. Pihak LZNK telah menjalankan kerjasama bersama Akademi Binaan Malaysia (ABM) dan Kulim Hi Tech Park (KTPC) dalam menaja anak-anak asnaf bagi mendapatkan sijil dalam bidang kemahiran. Projek ini dilihat telah berjaya menghasilkan lebih 80% peserta yang terlibat mendapat tempat dalam pekerjaan setelah mengikuti kursus tersebut. Sebagai contoh, LZNK telah menubuhkan Pusat Jahitan di bawah seliaan LZNK bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada asnaf. Impak dari projek ini juga dirasai oleh anak-anak asnaf kerana projek ini telah berjaya menghasilkan lebih 44 ribu unit pakaian baju seragam kepada seluruh anak-anak asnaf di negeri Kedah tanpa membeli pakaian sekolah dari syarikat luar untuk diagihkan. Dengan adanya pendapatan, mereka mampu untuk menyara kehidupan keluarga di samping dapat meningkatkan kehidupan. Hal ini tidak terkecuali kepada golongan muallaf. Mereka juga disediakan pelbagai latihan dan kursus untuk membangunkan muallaf melalui medium pusat bimbingan dan latihan saudara baru yang telah ditubuhkan oleh LZNK.

Keenam, kelestarian bandar dan komuniti dengan memastikan asnaf mempunyai rumah yang selamat untuk didiami dan memperolehi kemudahan asas infrastruktur. Oleh demikian, LZNK menyediakan bantuan membaik pulih rumah individu serta membina rumah kepada mereka. Terdapat kira-kira sebanyak 150 buah rumah baru dibina dan sebanyak 500 buah rumah dibaiki. Selain itu, bantuan binaan dan baiki masjid serta surau turut disediakan. Hal ini bertujuan untuk memberi keselesaan kepada masyarakat untuk melakukan ibadat. Tambahan lagi, bantuan kebajikan kepada muallaf seperti bantuan sewa rumah, peralatan asas rumah turut

diberikan kepada mereka bertujuan untuk menjamin kesejahteraan kehidupan bagi saudara baru kita.

Ketujuh, rakan strategik untuk pencapaian matlamat pembangunan. Bagi memastikan program yang dijalankan oleh LZNK berjalan dengan lancar, LZNK telah membina jaringan dengan pelbagai agensi luar iaitu institusi pengajian tinggi bagi menjalankan penyelidikan mengenai zakat. Selain itu, LZNK turut menjalinkan hubungan bersama industri perkilangan, perbankan, kesihatan, NGO serta masyarakat setempat yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan dan korporat. Antaranya, LZNK telah melantik Penolong Amil di seluruh masjid di negeri Kedah sebagai wakil LZNK bagi mengesan dan menyampaikan maklumat berkaitan asnaf yang lebih cepat dan pantas. Usaha ini memberi impak kepada peningkatan jumlah penerima bantuan kewangan bulanan yang meningkat dari 8,000 orang pada tahun 2017 kepada 17,846 orang pada tahun 2018. Jalinan rakan strategik ini sangat penting bagi LZNK untuk mencapai matlamat SDGs kerana dengan adanya bantuan daripada agensi luar maka agenda SDGs dapat dicapai dengan mudah.

## **KESIMPULAN**

SDGs adalah sangat penting untuk dicapai kerana hal ini merupakan agenda dunia. Maka LZNK terus membuka peluang baru untuk inovasikan agihan sedia ada selari dengan SDGs. Model ini dirangka untuk memberi peluang kepada LZNK terus memberi fokus kepada pembangunan dalam meningkatkan taraf hidup fakir dan miskin serta asnaf yang lain. Tujuh teras atau matlamat SDGs yang akan diterapkan dalam LZNK merupakan pemacu perubahan bagi memecahkan kelaziman agihan sedia ada yang mana mampu untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi asnaf terutamanya. Di samping itu, dengan tercapainya matlamat SDGs maka RMK11 akan turut tercapai. Dengan pencapaian ini mampu membawa LZNK terus ke hadapan serta menjadi pusat rujukan institusi zakat lain.

Model ini juga mampu untuk menjamin setiap asnaf tidak terpinggir untuk mendapatkan keperluan asas yang diperlukan disamping memperolehi kemahiran hasil latihan yang diberikan kepada mereka. Melalui usaha ini, LZNK mampu melahirkan pembayar zakat dalam kalangan asnaf itu sendiri. Akhir sekali, semua agensi kerajaan dan swasta harus berganding bahu bagi membangunkan asnaf di negeri Kedah secara bersama dan secara tidak langsung matlamat SDGs dan RMK11 mampu dicapai.

## **RUJUKAN**

- Eko Suprayitno, Mohamed Aslam & Azhar Harun (2017). Zakat and SDGs: Impact Zakat on Human Development in the Five States of Malaysia. *International Journal of Zakat* 2(1) 2017 page 61-69
- Jabatan Statistik Malaysia (2018). *The initial assessment of the sustainable development goals indicator for Malaysia*. Putrajaya: Jabatan statistik Malaysia.
- Unit Pembangunan Ekonomi (2017). *Malaysia: Sustainable development goals voluntary national review 2017*. Putrajaya: Unit Pembangunan Ekonomi.
- Sustainable Development Goals (2019). Dicapai pada 23 Februari 2019 di <https://sustainabledevelopment.un.org/sdgs>